



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK HAJI MOHD AMIN BIN OTHMAN
MENGENAI LAGENDA PUTERI GUNUNG LEDANG**

IZLYN SYAFRINA BINTI ISMAIL

(2021732597)

NURFARAH ELIDA BINTI SALEH-UDIN

(2021514601)

SITI NOR SARAH BINTI MOKTAR

(2021393651)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 – SEMESTER OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

	Abstrak	i – iii
	Penghargaan	iv-v
	Senarai Abreviasi	vi-viii
	Senarai Singkatan	xi-x
	Rujukan Kata	xi-xvi
1.0	Biodata Penemubual	1-4
	1.1 Penemubual Pertama	
	1.2 Penemubual Kedua	
	1.3 Penemubual Ketiga	
2.0	Biodata Responden	5-7
	2.1 Biodata Responden	
	2.2 Pengenalan Kepada Responden	
3.0	Sejarah Lisan	8-12
	3.1 Pengenalan Sejarah Lisan	
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	
	3.3 Objektif Kajian	
	3.4 Kepentingan Sejarah Lisan	
4.0	Kajian Literatur	13-17
	4.1 Kearifan Tempatan	
	4.2 Puteri Gunung Ledang	
5.0	Transkrip Temubual Bersama Responden	18-164
6.0	Log Temubual	165-189

ABSTRAK

TRANSKRIP BERSAMA BEKAS PENGURUS YANG PERTAMA DI TAMAN GUNUNG LEDANG RESORT MENGENAI KISAH LAGENDA PUTERI GUNUNG LEDANG

ABSTRAK: Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama bekas pengurus yang pertama di Resort Taman Gunung Ledang iaitu Encik Haji Mohd Amin Bin Othman berkongsi pengalaman beliau sepanjang berkhidmat disana. Sesi temubual ini dijalankan pada 20 Mei 2022 selama 1:58:30 jam melalui temubual di kediaman Encik Haji Mohd Amin Bin Othman yang bertempat di No 7, Jalan Sukarela Larkin Garden, 80350 Johor Bahru, Johor. Soalan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama yang berorientasikan soalan am yang berkenaan latar belakang diri responden dan sejarah pekerjaan responden untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai latar belakang responden dan sejarah pekerjaan responden. Bahagian yang kedua adalah berkenaan soalan umum mengenai pendapat atau pandangan tentang Puteri Gunung Ledang. Bahagian yang ketiga lebih spesifik iaitu soalan yang lebih kepada objektif kajian iaitu kisah Lagenda Puteri Gunung Ledang, masalah mistik dan mitos serta sejarah Penubuhan Taman Negara Gunung Ledang. Pada penghujung temubual ini, beliau berharap supaya Resort Gunung Ledang masih dikekalkan sebagai Resort untuk latihan kepada para pendaki Gunung Ledang. Ini kerana beliau menubuhkan Resort tersebut supaya para pendaki dapat menjadikan Resort tersebut sebagai tempat latihan. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali lebih lanjut dan mendalam tentang kearifan tempatan ini. Beliau juga berharap kisah Lagenda ini dapat diperkatakan sehingga kini dan diperbanyakkan lagi buku bacaan mengenai kisah ini serta dapat didokumentasikan supaya generasi akan datang dapat mengetahui tentang kisah ini. Justeru, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam pengetahuan generasi muda supaya generasi muda mengetahui tentang kepentingan sejarah lisan ini.

Kata kunci: Encik Haji Mohd Amin Bin Othman, Puteri Gunung Ledang, Kearifan Tempatan, Sejarah Lisan

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM w.b.t

Pertama sekali syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya,kami dapat menyelesaikan segala tugas transkrip yang telah diberi dengan jayanya di dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat di dalam proses untuk menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, kami ingin merakamkan dan mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada pensyarah kami bagi subjek Oral History ini iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami sepanjang tempoh kami ingin menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada penyelia kami untuk tugas ini iaitu Dr. Siti Nuur-Ila Binti Mat Kamal yang telah memberikan bimbingan kepada kami untuk menyiapkan soalan temu bual untuk responden kami.

Selain itu, kami juga ingin memberikan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada responden kami Tuan Haji Amin Bin Othman kerana beliau sudi dan bersetuju untuk ditemu bual untuk tema kajian kami berkenaan Gunung Ledang. Dengan kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau, kami berjaya menyiapkan tugas ini dengan baik hasil daripada menggunakan semua maklumat serta pengalaman yang beliau kongsi kepada kami.

Akhir kata, kami dengan rendah diri turut ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa, keluarga serta rakan-rakan kami yang telah banyak membantu kami dari segi kewangan dan kemudahan serta memberi tunjuk ajar di dalam proses menyiapkan tugas kami. Mereka juga telah memberikan sokongan moral kepada kami untuk menyiapkan tugas diberikan ini di mana kami sangat menghargai sokongan yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AVP	<i>Assistant Vice President</i>
BBQ	<i>Barbeque</i>
CEO	<i>Chief Executive Officer</i>
CIQ	<i>Custom, Immigration and Quarantine</i>
GM	<i>General Manager</i>
GLR	Gunung Ledang Resort
HR	<i>Human Resources</i>
HRDF	Human Resources Development Fun
IRDA	<i>Iskandar Regional Development Authority</i>
ITM	Institut Teknologi Mara
JB	Johor Bahru
KL	Kuala Lumpur
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>